

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
(POKOK SENJA)**

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada wujud apa-apa siasatan 'money trail' dibuat terhadap pembayaran RM555 juta oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) untuk pembelian saham-saham syarikat yang mendapat konsesi Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES), dan jika ada apakah status siasatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan ke atas projek Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) telah dibuat oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada awal tahun 2019. Sehingga kini, tiada perkembangan lanjut yang dimaklumkan kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) berkenaan status siasatan tersebut.

Terima kasih.